
Tabii protolitos Syis Dinding: Suatu tafsiran geokimia
(The nature of Dinding Schist protolith: A geochemical interpretation)

HAMZAH MOHAMAD
Jabatan Geologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi

Sysis Dinding (Ordovisi ? - Silur Bawah) yang tersingkap di Ulu Kelang, Selangor, terdiri daripada syis kuarza-mika, syis kuarza dan metakuarzit. Lapisan-lapisan nipis berkapur juga wujud dalam unit psamit dominan ini. Himpunan mineralnya ialah klorit + fengit + kuarza + mikrokin + oksida besi ± zirkon ± turmalin ± albit ± ortoklas ± biotit ± pirit ± apatit ± ilmenit ± rutil. Metamorfisme rantau pada fasies syis hijau ini telah mewujudkan foliasi kuat dan batuan berporfioblas, terdiri daripada kuarza, mikrokin dan albit bersaiz pasir dan berciri pra-tektonik. Tabii protolitos syis ini kabur dan sukar diramalkan.

Dua puluh tiga sampel Syis Dinding yang segar telah ditentukan kandungan 10 unsur major dan lapan unsur surihnya (S, Cr, Zn, Ga, Rb, Sr, Zr dan Ba). Nilai-nilai nombor Niggli si, al, alk, fm, c, mg, k dan al-alk telah digunakan untuk meramalkan tabii endapan asal, terutaman sekali nisbah mineral lempung terhadap klas menggunakan nilai al-alk. Dengan disokong kajian petrografi, dicadangkan protolitos Syis Dinding ialah endapan berklas pasiran kumpulan wak (wackes), mungkin sejenis wak arkos. Pembandingan dengan komposisi kimia greiwak yang didaptai daripada literatur, termasuk komposisi unsur surih menyokong ramalan ini. Kajian seperti ini dijangka berguna apabila maklumat tabii protolitos batuan metamorf rantau bergred rendah hingga sederhana diperlukan bagi tujuan pemetaan geologi dan penafsiran sekitaran pengenapan, misalnya bagi kes formasi Bukit Kenny dan Syis Taku.